MOHD NASARUDDIN MOHD ALI A

lwn.

PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
BALIA YUSOF WAHI HMR
ROHANA YUSUF HMR
TENGKU MAIMUN HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: W-05-136-06-2012 &
W-05-137-06-2012] C
24 MAC 2014

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Sama ada terdapat keterangan yang amat banyak terhadap tertuduh - Sama ada kegagalan memanggil sumber sebagai saksi memprejudiskan tertuduh - Sama ada hakim bicara telah menilai dan menganalisa keterangan dengan sewajarnya - Sama ada sabitan selamat* D

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 40 - Sumber - Identiti tidak lagi menjadi rahsia - Sumber melampaui peranan - Sama ada hilang perlindungan di bawah s. 40 - Sama ada perlu dipanggil sebagai saksi - Sama ada saksi penting - Sama ada kegagalan memanggil sumber sebagai saksi memprejudiskan tertuduh - Akta Keterangan 1950, s. 114(g)* E F

Perayu pertama dan kedua dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang dibaca bersama-sama s. 34 Kanun Keseksaan atas kesalahan mengedar 1008g methamphetamine. Fakta ringkas kes adalah bahawa SP4, yang bertindak sebagai ejen perangkap, telah dibawa oleh sumber untuk berjumpa dengan G perayu pertama dan kedua di Kelab Manhattan di mana SP4 berbincang dengan perayu pertama mengenai pembelian syabu. Urusan seterusnya bertempat di bilik 2401 Hotel Pacific Regency di mana perayu pertama telah mengarahkan pelayan hotel membawa kotak ('eks. P10') ke bilik 2401 tersebut. Kandungan H kotak tersebut, antara lain, adalah dua plastik lutsinar yang mengandungi bahan-bahan yang kemudiannya disahkan oleh ahli kimia sebagai 1008g methamphetamine, subjek perkara pertuduhan. Hakim bicara memanggil kedua-dua perayu membela diri setelah mendapati bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap I mereka. Perayu pertama, dalam keterangannya: (i) tidak menafikan perjumpaan dan perbincangan di Kelab Manhattan dan di Hotel

Pacific Regency tetapi menyatakan bahawa perbincangan di Kelab Manhattan adalah mengenai pembelian kereta oleh sumber; dan (ii) eks. P10 telah diberikan kepadanya oleh Mahmud Rafat Manesh ('Mahmud'), yang juga menginap di hotel itu, untuk disimpan. Perayu kedua pula menafikan penglibatan dan pengetahuan mengenai apa yang dibincangkan oleh perayu pertama dengan SP4. Manakala di hotel, perayu kedua menyatakan bahawa dia hanya menjemput SP4 dan SP5 ke bilik 2401 atas arahan perayu pertama dan menafikan apa-apa pengetahuan berhubung penjualan dadah. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati bahawa kes terhadap perayu-perayu telah dibuktikan melampaui keraguan munasabah dan seterusnya mensabitkan dan menjatuhkan hukuman mati ke atas kedua-dua perayu. Dalam rayuan ini, isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu pertama adalah: (i) hakim bicara khilaf dalam dapatan mengenai persetujuan jualbeli dadah; (ii) sumber telah hilang perlindungan kerana memainkan peranan aktif; dan (iii) pembelaan perayu pertama yang munasabah gagal dipertimbangkan dan dianalisa oleh hakim bicara. Alasan rayuan oleh perayu kedua adalah berkaitan dengan peranan sumber dan identiti dadah.

Diputuskan (menolak rayuan perayu pertama dan membenarkan rayuan perayu kedua)

Oleh Tengku Maimum HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Adalah tidak munasabah bahawa perbincangan pembelian kereta antara sumber dengan perayu pertama berakhir dengan pertemuan di bilik 2401 di Hotel Pacific Regency dengan permintaan atau penyerahan eks. P10 yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan pembelian kereta. Ia lebih konsisten dengan versi pihak pendakwaan bahawa ia berkaitan dengan perbincangan jualbeli dadah antara SP4 dengan perayu pertama. (perenggan 16 & 18)

(2) Versi perayu pertama bahawa Mahmud memintanya menyimpan eksh. P10 juga tidak konsisten dengan keterangannya bahawa Mahmud menginap di hotel tersebut. Tidak ada keperluan untuk Mahmud berbuat demikian apabila dia boleh menyimpan kotak itu di biliknya sendiri atau meminta pelayan hotel menyimpan untuknya. Oleh itu, isu mengenai Mahmud yang dikatakan pengedar sebenar, tidak menjejaskan kes pendakwaan terhadap perayu pertama. (perenggan 17 & 18)

(3) Hakim bicara tidak khilaf dalam memutuskan bahawa pembelaan perayu pertama gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Hakim bicara telah menilai kenyataan perayu pertama dan tidak terdapat sebarang kelompangan dalam kes terhadap perayu pertama dan keterangan terhadapnya adalah amat banyak. Kegagalan pihak pendakwaan memanggil sumber sebagai saksi juga tidak memprejudiskan perayu pertama. Sabitan terhadap perayu pertama, oleh itu, adalah selamat. (perenggan 15 & 28)

(4) Berdasarkan keterangan, identiti sumber tidak lagi menjadi rahsia dan peranan sumber bukan setakat membawa SP4 ke Kelab Manhattan untuk diperkenalkan kepada perayu-perayu. Sumber telah melampaui peranannya dan dengan itu, tidak lagi dilindungi di bawah s. 40 ADB. (perenggan 23 & 25)

(5) Kegagalan pihak pendakwaan memanggil sumber sebagai saksi telah memprejudiskan pembelaan perayu kedua (*Ti Chuee Hiang v. PP*, diikuti). Sumber telah hadir ketika perbincangan perayu pertama dengan SP4 di Kelab Manhattan dan di bilik 2401 dan dengan itu mempunyai pengetahuan sama ada sebenarnya perayu kedua turut serta dalam perbincangan dan bersetuju dengan penjualan dadah. Justeru, sumber adalah saksi penting yang dapat mengesahkan atau sebaliknya versi perayu kedua. (perenggan 26)

(6) Hakim bicara telah tersalah arah apabila gagal mempertimbangkan isu kepentingan sumber sebagai saksi yang boleh menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwaan terhadap perayu kedua dan juga apabila gagal mempertimbangkan pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dalam hal keadaan kes ini. Kegagalan ini telah mengakibatkan salah laksana keadilan terhadap perayu kedua. Oleh itu, sabitan terhadap perayu kedua adalah tidak selamat. (perenggan 27)

***English** Translation Of Headnotes*

The first and second appellants were charged under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') read together with s. 34 of the Penal Code for an offence of trafficking in 1008g of methamphetamine. The brief facts of the case was that SP4, who was acting as an agent provocateur, was taken by the informer to meet the first and second appellants at the Manhattan Club where SP4 discussed with the first appellant on purchase of methamphetamine. The following deal took place in room 2401 of

Pacific Regency Hotel where the first appellant instructed the bell boy to bring up the box ('exh. P10') to room 2401. The contents of the box, *inter alia*, were two transparent plastics containing materials which were subsequently confirmed by the chemist to be 1008g of methamphetamine, the subject matter of the charge. The trial judge called both appellants to enter their defence upon finding that a *prima facie* case had been established against them. The first appellant, in his evidence: (i) did not deny the meeting and the discussion at Manhattan Club and Pacific Regency Hotel but stated that the discussion at Manhattan Club was about purchase of a car by the informer; and (ii) stated that exh. P10 was given to him by one Mahmud Rafat Manesh ('Mahmud'), who also stayed in the hotel, to be kept. The second appellant denied any involvement and knowledge on what was discussed between the first appellant and SP4. Whereas in the hotel, the second appellant contended that he had merely invited SP4 and SP5 to room 2401 on the first appellant's instruction and denied any knowledge in relation to the sale of drugs. At the end of the defence case, the trial judge found that the case against the appellants was proved beyond reasonable doubt and proceeded to convict and sentence both the appellants to death. In this appeal, the issues raised by the first appellant were that: (i) the trial judge had erred in his findings on the agreement for sale and purchase of drugs; (ii) the informer had lost his protection for playing an active role; and (iii) the first appellant's defence which was reasonable had not been considered and analysed by the trial judge. The grounds of appeal by the second appellant were related to the role of the informer and the identity of the drugs.

Held (dismissing first appellant's appeal and allowing second appellant's appeal)

Per Tengku Maimun JCA delivering the judgment of the court:

(1) It was preposterous that the discussion on the purchase of a car between the informer and the first appellant ended with a meeting in room 2401 of the Pacific Regency Hotel with the request for or handing over of exh. P10 which had no connection whatsoever with the purchase of a car. It was more consistent with the prosecution's version that it related to the discussion on sale and purchase of drugs between SP4 and the first appellant.

(2) The first appellant's version that Mahmud had asked him to keep exh. P10 was also inconsistent with his evidence that Mahmud was staying in the hotel. It was not necessary for Mahmud to do so when he could have kept the box in his own room or ask the bell boy to keep it for him. Therefore, the issue that Mahmud was allegedly the actual trafficker was not prejudicial to the prosecution's case against the first appellant.

(3) The trial judge had not erred in concluding that the first appellant's defence had failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. The trial judge had evaluated the first appellant's statement and there was no lacuna in the case against the first appellant and the evidence against him was overwhelming. The failure by the prosecution to call the informer as a witness was also not prejudicial to the first appellant. The conviction of the first appellant was therefore, safe.

(4) Based on the evidence, the identity of the informer was no longer a secret and the role of the informer was not confined to taking SP4 to Manhattan Club to be introduced to the appellants. The informer had exceeded his role and was thus, no longer protected under s. 40 of the DDA.

(5) The failure by the prosecution to call the informer as a witness had prejudiced the second appellant's defence (*Ti Chuee Hiang v. PP*, foll). The informer was present during the discussion between the first appellant and SP4 at Manhattan Club and in room 2401 and therefore, had knowledge as to whether the second appellant had in fact joined the discussion and agreed to the sale of drugs. Hence, the informer was a material witness who could confirm or otherwise the second appellant's version.

(6) The trial judge had misdirected in failing to consider the issue of the importance of the informer as a witness who could have raised a reasonable doubt on the prosecution's case against the second appellant and also in failing to consider the application of s. 114(g) of the Evidence Act 1950 in the circumstances of this case. The failure had occasioned a miscarriage of justice against the second appellant. Therefore, the conviction of the second appellant was not safe.

Kes-kes yang dirujuk:
Masoumeh Gholami Khaveh v. PP [2013] 5 CLJ 59 CA ***(dirujuk)***
Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 39B(1)(a), 40
Evidence Act 1950, 114(g)
Penal Code, s. 34

(Rayuan Jenayah No: W-05-136-06-2012)
Bagi pihak perayu pertama - Imran Hadzalie Abdul Hamid; T/n Elida, Imran & Partners
Bagi pihak responden - Tengku Intan Suraya Tengku Ismail; TPR

(Rayuan Jenayah No: W-05-137-06-2012)
Bagi pihak perayu kedua - Hisyam Teh Poh Teik; T/n Teh Poh Teik
Bagi pihak responden - Tengku Intan Suraya Tengku Ismail; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Perbicaraan Jenayah No: 45-56-2010]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Tengku Maimun HMR:

[1] Perayu di dalam Rayuan No: W-05-136-06-2012 ("perayu pertama") dan perayu di dalam Rayuan No: W-05-137-06-2012 ("perayu kedua") masing-masing merupakan tertuduh pertama dan kedua di Mahkamah Tinggi. Mereka dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta tersebut") dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan kerana mengedar 1008 gram methamphetamine.

Di Mahkamah Tinggi

[2] Intipati kes pendakwaan ialah bahawa SP4 yang bertindak sebagai agent provocateur telah dibawa oleh sumber untuk berjumpa perayu pertama dan perayu kedua di Kelab Manhattan. Di dalam perjumpaan itu, di mana sumber turut hadir, SP4 telah berbincang dengan perayu pertama mengenai pembelian 2 kilogram syabu. Perayu pertama menetapkan harga sebanyak RM165,000 sekilogram. Permintaan SP4 untuk pengurangan harga tidak dipersetujui oleh perayu pertama. Perayu kedua dikatakan mengangguk kepala tanda bersetuju dengan penjualan itu.

[3] Tempat penyerahan ditetapkan oleh perayu pertama di Hotel Pacific Regency. Sumber turut hadir di hotel bersama SP4. SP4 dan sumber dijemput oleh perayu kedua untuk naik ke bilik 2401. Perayu pertama telah menghubungi bell boy (SP7) untuk membawa kotak (eks. P10) ke bilik 2401. Di dalam kotak tersebut terdapat bungkusan-bungkusan berupa tiga peket makanan Maggi dan dua plastik lutsinar yang mengandungi bahan-bahan yang kemudiannya disahkan oleh ahli kimia (SP3) sebagai 1008 gram methamphetamine.

[4] Di atas permintaan SP4, perayu pertama telah menimbang bungkusan-bungkusan tersebut. Perayu pertama juga telah meminta wang bayaran daripada SP4. Wang kemudiannya dibawa oleh SP5 yang telah sedia menunggu di lobi. SP5 turut dijemput naik ke bilik 2401 oleh perayu kedua. Sumber yang berada di bilik 2401 bersama-sama SP4 hanya meninggalkan bilik tersebut sejurus sebelum serbuan dibuat oleh pihak polis.

[5] YA hakim bicara mendapati bahawa terdapat keterangan credible yang mencukupi untuk membuktikan kedua-dua perayu dalam niat bersama telah mengedar dadah seperti mana dalam pertuduhan dan bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan. Kedua-dua perayu telah dipanggil untuk membela diri.

[6] Perayu pertama memilih untuk memberi kenyataan dari kandang pesalah manakala perayu kedua memberi keterangan secara bersumpah.

[7] Di dalam keterangannya, perayu pertama tidak menafikan perjumpaan dan perbincangan di Kelab Manhattan dan di Hotel Pacific Regency. Namun, mengikut versi perayu pertama, perbincangan di Kelab Manhattan adalah berkisar kepada pembelian kereta Fairlady oleh sumber ("Ah Thong"). Adalah kenyataan perayu pertama juga bahawa mereka bersetuju agar Ah Thong melihat kereta keesokannya. Mengenai kejadian di bilik 2401, versi perayu pertama adalah bahawa kotak tersebut telah diberikan kepada beliau oleh Mahmud Rafat Manesh untuk disimpan. Perayu pertama telah meminta bell boy menghantar kotak tersebut ke bilik 2401 apabila Mahmud, melalui telefon, meminta perayu pertama menyerahkan kotak itu kepada Ah Thong.

[8] Bagi perayu kedua pula, keterangannya yang diberi secara bersumpah ialah bahawa beliau tidak terlibat dan tidak mengetahui apa yang dibincangkan di antara perayu pertama bersama dengan SP4. Perayu kedua mengatakan bahawa beliau hadir di Kelab

Manhattan untuk bersuka ria dan bermain 'slot machine' dan menafikan mengangguk kepala tanda bersetuju dengan apa yang dibincangkan oleh SP4 dan perayu pertama. Di hotel pula, perayu kedua, setakat mengakui menjemput SP4 dan SP5 ke bilik 2401 atas arahan perayu pertama, menafikan mempunyai apa-apa pengetahuan berhubung penjualan dadah.

[9] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati bahawa kedua-dua perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwa dan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kesnya terhadap kedua-dua perayu melampaui keraguan yang munasabah. Oleh yang demikian, kedua-dua perayu telah disabitkan dan dikenakan hukuman mati. Di hadapan kami kini adalah rayuan terhadap keputusan hakim bicara yang tersebut.

Di Mahkamah Rayuan

[10] Bagi pihak perayu pertama, peguambela yang bijaksana menimbulkan isu-isu berikut:

(i) hakim bicara khilaf dalam dapatan mengenai persetujuan jualbeli dadah;

(ii) sumber telah hilang perlindungan kerana memainkan peranan yang aktif; dan

(iii) pembelaan perayu pertama yang munasabah gagal dihargai dan dianalisa oleh hakim bicara.

[11] Peguambela bijaksana bagi pihak perayu kedua pula menimbulkan dua alasan rayuan iaitu mengenai peranan sumber dan mengenai identiti dadah.

Persetujuan Jualbeli Dadah/Pembelaan Perayu Pertama

[12] Isu pertama dan ketiga yang dikemukakan oleh pihak perayu pertama adalah berkaitan. Adalah pembelaan perayu pertama bahawa tidak pernah wujud sebarang perbincangan di antara beliau dengan SP4 untuk penjualan dadah dan bahawa identiti pengedar dadah sebenar iaitu seorang lelaki Melayu dan seorang lelaki Iran telah diberitahu oleh sumber kepada ASP Ahmad Noor (SP11). Lelaki Iran yang dimaksudkan adalah Mahmud Rafat Manesh iaitu orang yang telah meminta perayu pertama menyimpan kotak eks. P10. Mahmud juga dikatakan telah meminta perayu pertama memberikan kotak itu kepada Ah Thong.

[13] Dihujahkan oleh peguambela bijaksana bagi pihak perayu pertama bahawa hakim bicara gagal memberi pertimbangan kepada peranan Mahmud yang merupakan pengedar sebenar dan hakim bicara juga dikatakan gagal memberi pertimbangan kepada keterangan SP10 bahawa perayu pertama telah menyewa tiga buah bilik di hotel tersebut dan salah satu bilik adalah untuk rakan beliau warganegara Iran, iaitu Mahmud.

[14] Berkaitan isu ketiga pula, dihujahkan bahawa hakim bicara gagal memberi pertimbangan kepada pembelaan perayu pertama bahawa beliau adalah seorang pembawa pasif manakala pengedar sebenar adalah Mahmud. Hakim bicara juga dikatakan gagal memberi pertimbangan kepada penjelasan yang munasabah bagaimana kotak itu boleh berada di dalam pegangan perayu pertama.

[15] Setelah meneliti rekod rayuan dan menimbangkan hujahan peguamcara bijaksana, kami dapati bahawa hakim bicara tidak khilaf dalam memutuskan bahawa pembelaan perayu pertama gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Hakim bicara telah menilai kenyataan perayu pertama sebelum membuat dapatan bahawa ia tidak menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[16] Pembelaan perayu pertama adalah bahawa perbincangan di Kelab Manhattan adalah berkenaan dengan pembelian kereta. Adalah tidak munasabah bahawa perbincangan pembelian kereta di antara Ah Thong dengan perayu pertama berakhir dengan pertemuan di bilik 2401 di Hotel Pacific Regency dengan permintaan atau penyerahan kotak eks. P10 yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan pembelian kereta. Adalah lebih munasabah, jika versi perayu pertama benar, bahawa perjumpaan seterusnya selepas Kelab Manhattan, ialah di tempat di mana kereta yang ingin dijual oleh perayu pertama kepada Ah Thong dapat dilihat, yang tentunya bukan di sebuah bilik hotel.

[17] Seterusnya, versi perayu pertama bahawa Mahmud memintanya menyimpan kotak tersebut tidak konsisten dengan keterangan perayu pertama bahawa Mahmud sememangnya menginap di hotel tersebut. Apakah keperluannya untuk Mahmud meminta perayu pertama menyimpan kotak untuk Mahmud di hotel tersebut apabila Mahmud boleh menyimpan kotak itu di biliknya sendiri atau meminta bell boy menyimpan untuknya.

[18] Perbincangan di Kelab Manhattan yang berakhir di bilik 2401 lebih konsisten dengan versi pihak pendakwa bahawa ia berkaitan dengan perbincangan jualbeli dadah di antara SP4 dengan perayu pertama di mana dadah yang disimpan di hotel tersebut telah dibawa oleh bell boy ke bilik perayu pertama atas arahan perayu pertama. Sehubungan dengan itu kami berpendapat bahawa isu mengenai Mahmud yang dikatakan pengedar sebenar, tidak menjejaskan kes pendakwaan terhadap perayu pertama bahawa perbincangan telah berlaku di antara SP4 dan perayu pertama di mana dadah akhirnya didapati dari perayu pertama.

Peranan sumber

[19] Hakim bicara membuat dapatan yang berikut mengenai isu sumber:

> [13] Kedua-dua OKT dalam hujah mereka di akhir kes Pendakwaan ada menimbulkan isu kegagalan Pendakwa memanggil sumber sebagai saksi. Ikut hujah pembela sumber dalam kes ini bukan lagi sumber tetapi telah menjadi sebagai seorang agen provokatif. Kerana dia adalah seorang saksi penting "to the unfolding of the narratives on which the prosecution case is based", Pendakwa perlu memanggilnya sebagai saksi. Kegagalan berbuat demikian memudaratkan kes Pendakwa.
>
> [14] Berhubung isu ini saya bersetuju dengan Timbalan Pendakwa Raya bijaksana yang berhujah bahawa peranan yang dimainkan oleh sumber dalam kes ini hanyalah sekadar memperkenalkan kedua-dua OKT dengan agen provokasi polis dan kemudian hadir di bilik hotel semasa penyerahan dadah berlaku. Tiada keterangan yang menunjukkan sumber telah bertindak lebih dari itu. Nampaknya kehadiran sumber di bilik hotel hanyalah untuk meyakinkan kedua-dua OKT tentang niat agen provokasi untuk membeli dadah. Dengan itu saya dapati sumber belum lagi melampaui had sebagai sumber dan belum melangkah ke arena agen provokasi. Oleh itu dia masih lagi dilindungi oleh Seksyen 40 ...

[20] Dihujahkan bagi kedua-dua perayu bahawa hakim bicara khilaf dalam memutuskan sumber dilindungi di bawah s. 40 Akta tersebut memandangkan sumber telah memainkan peranan yang aktif dan telah melangkah ke arena agent provocateur.

[21] Dihujahkan oleh peguambela bijaksana bagi perayu kedua (yang mana hujahannya digunapakai oleh peguambela bijaksana perayu pertama) bahawa identiti sumber bukan lagi rahsia dan

kegagalan pihak pendakwa memanggil atau menawarkan sumber untuk pemeriksaan balas telah memprejudiskan pembelaan perayu kedua. Ini kerana keterangan agent provocateur boleh dipatahkan dan kegagalan pihak pendakwa mengemukakan sumber mewajarkan pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950 yang mana perkara ini tidak dipertimbangkan oleh hakim bicara.

[22] Di antara lain, peguambela bijaksana merujuk kepada kes *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1; [1995] 2 MLJ 433. Di dalam kes *Ti Chuee Hiang*, seorang pegawai polis telah menyamar sebagai pembeli heroin dan suatu perjumpaan dengan perayu telah diadakan atas pertolongan seorang pemberi maklumat polis. Perundingan dijalankan dan suatu persetujuan dicapai. Perayu ditangkap ketika menghantar serah heroin itu kepada polis. Perayu telah disabitkan dan dijatuhi hukuman mati. Perayu merayu ke Mahkamah Persekutuan atas alasan bahawa salah laksana keadilan telah berlaku oleh kerana pihak pendakwa gagal memanggil pemberi maklumat sebagai saksi mahu pun untuk menyediakannya untuk diperiksa balas oleh pihak pembela. Di dalam membenarkan rayuan perayu, Edgar Joseph Jr HMP menyatakan:

> In the present case, the informer, having regard to his role, was not a mere informer, but had assumed the mantle of an agent provocateur for it was he who had put the appellant in touch with the undercover agent, Lian. Indeed, he was the active instrument without whose intervention the appellant might never have been even arrested. His identity was no longer a secret and thus, he had lost the protection from disclosure of identity normally accorded to informers under s 40 of the Act.
>
> In these circumstances, he came within the category of witnesses described by Lord Roche in Seneviratne, as 'witnesses essential to the unfolding of the narratives on which the prosecution case is based'. The same might be said of the informer's friend.
>
> Yet, neither the so-called informer nor his friend, whose testimony would have been essential to the unfolding of the narrative on which the prosecution case was based, was called by the prosecution or even made available to the defence to be called as defence witnesses nor any explanation vouchsafed to the trial judge for these glaring omissions.

[23] Di dalam kes ini, bahawa identiti sumber tidak lagi menjadi rahsia dan bahawa peranan sumber bukan setakat membawa SP4 ke Kelab Manhattan untuk diperkenalkan kepada perayu-perayu jelas daripada gambar-gambar rakaman CCTV (eks. P16K, L & M

di ms. 25-26; P16U di ms. 30 Rekod Rayuan). Seperti digariskan di dalam hujahan peguambela bijaksana bagi pihak perayu kedua, berikut adalah penglibatan sumber di dalam kes ini:

(i) Sumber diperkenalkan oleh SP11 kepada SP4 di mana sumber memberitahu mengenai seorang lelaki Melayu dan lelaki Iran yang boleh membekalkan syabu dalam jumlah yang besar;

(ii) Sumber membawa SP4 ke Kelab Manhattan di mana SP4 berjumpa dengan kedua-dua perayu;

(iii) Di Kelab Manhattan, selepas SP4 berjumpa kedua-dua perayu, sumber tidak meninggalkan tempat tersebut tetapi terus hadir ketika perbincangan diadakan di antara SP4 dan perayu pertama;

(iv) Sumber yang membawa SP4 ke Hotel Pacific Regency dan sumber yang menelefon perayu pertama memaklumkan mengenai kehadiran sumber dan SP4 di hotel;

(v) Sumber memberitahu SP4 bahawa seseorang akan membawa mereka berjumpa perayu pertama;

(vi) Sumber mengikuti SP4 ke bilik 2401;

(vii) Sumber berada di dalam bilik 2401 ketika perayu pertama berbincang dengan SP4; ketika perayu pertama meminta bell boy membawa kotak eks. P10; ketika perayu pertama menerima kotak tersebut; ketika perayu pertama meminta wang bayaran dan ketika SP5 membawa wang ke bilik 2401. Sumber hanya meninggalkan bilik sebelum SP5 menelefon SP9 untuk serbuan.

[24] Jika peranan sumber adalah sekadar untuk memperkenalkan SP4 kepada perayu-perayu, tidak timbul keperluan untuk sumber turut hadir di bilik 2401 sehinggalah sejurus sebelum serbuan atau tangkapan dibuat ke atas perayu-perayu.

[25] Dalam keadaan itu, kami bersetuju dengan peguambela bijaksana bahawa sumber telah melampaui peranannya sebagai sumber dan memandangkan identitinya tidak lagi menjadi rahsia, sumber tidak lagi dilindungi di bawah s. 40 Akta tersebut.

[26] Bersandarkan kes *Ti Chuee Hiang*, kami juga bersetuju bahawa kegagalan pihak pendakwa memanggil sumber sebagai saksi telah memprejudiskan pembelaan perayu kedua. Perayu kedua

menafikan turut sama dalam perbincangan di Kelab Manhattan dan menafikan menganggukkan kepala. Perayu kedua juga menafikan turut sama dalam perbincangan antara SP4 dengan perayu pertama di bilik 2401. Memandangkan sumber hadir ketika perbincangan perayu pertama dan SP4 di kedua-dua tempat iaitu di Kelab Manhattan dan di bilik 2401, sumber mempunyai pengetahuan sama ada sebenarnya perayu kedua turut serta dalam perbincangan dan bersetuju dengan penjualan dadah. Justeru, sumber adalah saksi yang penting yang dapat mengesahkan atau sebaliknya versi perayu kedua.

[27] Dalam keadaan itu, kami berpendapat hakim bicara telah tersalah arah apabila gagal menimbangkan isu kepentingan sumber sebagai saksi yang boleh menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwa terhadap perayu kedua dan juga apabila gagal menimbangkan pemakaian s. 114(g) dalam hal keadaan kes ini. Kegagalan hakim bicara untuk menimbang perkara-perkara di atas, pada pendapat kami, telah mengakibatkan salah laksana keadilan terhadap perayu kedua (lihat kes *Masoumeh Gholami Khaveh v. PP* [2013] 5 CLJ 59). Kami berpendapat sabitan terhadap perayu kedua adalah tidak selamat dan berikutan itu, tidak perlu bagi kami membincangkan isu identiti eksibit yang dibangkitkan oleh peguambela bijaksana bagi perayu kedua.

[28] Bagaimanapun, adalah pendapat kami bahawa tidak terdapat sebarang kelompangan di dalam kes pihak pendakwa terhadap perayu pertama. Meneliti rekod rayuan, kami dapati keterangan terhadap perayu pertama adalah 'overwhelming' dan kegagalan pihak pendakwa untuk memanggil sumber sebagai saksi di dalam keadaan ini, tidak memprejudiskan perayu pertama. Oleh itu kami dapati sabitan terhadap perayu pertama adalah selamat.

[29] Kesimpulannya, kami sebulat suara menolak rayuan perayu pertama dan membenarkan rayuan perayu kedua. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi terhadap perayu pertama adalah disahkan manakala sabitan dan hukuman terhadap perayu kedua diketepikan. Perayu kedua dilepaskan dan dibebaskan.